

03 DEC 1999

Gerakan-Keng Yaik

BROKER KUASA DI BELAKANG PELETAKAN JAWATAN ADUN GERAKAN

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini berkata "broker kuasa" adalah di belakang peletakan jawatan dua anggota Dewan Undangan Negeri parti itu di Pulau Pinang semalam.

Beliau menuduh mereka mempengaruhi Lim Chien Aun (Bayan Lepas) dan Lim Boo Chang (Datuk Keramat) untuk meninggalkan parti, empat hari selepas mereka mengekalkan kerusi mereka pada pilihan raya umum yang baru berakhir.

Katanya broker kuasa ini telah bekerja keras di belakang tabir sebelum hari penamaan calon lagi pada 20 Nov.

"Mereka cuba menghalang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon daripada menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang," katanya pada satu persidangan berita di ibu pejabat Gerakan di sini.

Lim berkata beliau menyedari mengenai hasrat broker kuasa ini sebelum hari penamaan calon dan telah memberitahu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenainya.

"Saya telah bercakap dengan mereka sebelum pencalonan dan mereka berikrar untuk bekerja sebagai satu pasukan di Pulau Pinang," kata Lim.

Chien Aun, 51, dan Boo Chang, 44, keluar daripada parti itu semalam dengan alasan mereka tidak puashati dengan kepimpinan parti.

Chien Aun merupakan anak lelaki bekas ketua Menteri Pulau Pinang Tun Dr Lim Chong Eu dan Boo Chang adalah anak lelaki anggota pengasas Gerakan Datuk Lim Ee Heong.

Mereka berkata mereka akan berkhidmat di kawasan masing-masing sebagai wakil rakyat Bebas dan akan terus menyokong Barisan Nasional (BN) di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

Dengan peninggalan mereka bermakna Gerakan kini mempunyai lapan anggota, Umno 10, MCA sembilan dan MIC satu dalam 33 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan Chien Aun dan Boo Chang menyertai MCA, Lim berkata wujud persefahaman di kalangan parti komponen BN bahawa mana-mana anggota yang meninggalkan parti tidak akan diterima selamanya oleh parti itu atau parti komponen lain.

Mengenai jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang, beliau menyerahkannya kepada Dr Mahathir untuk membuat keputusan.

"Saya akan menyerahkan kepada kebijaksanaan Perdana Menteri. Saya percayakan beliau," katanya.

Di LANGKAWI, Dr Mahathir berkata beliau akan mengulas perkara itu kemudian kerana beliau belum berkesempatan menelitinya.

-- BERNAMA

MEO NH RON